
PELANTIKAN TIAN CHUA SEBAGAI PENASIHAT KHAS MENTERI KERJA RAYA

Saya ingin mengumumkan bahawa pada hari ini saya telah melantik Saudara Tian Chua (Chua Tian Chang) Probono sebagai Penasihat Khas kepada saya (Menteri Kerja Raya Malaysia) berkuatkuasa pada 1 Mac 2019 (Jumaat).

Beliau adalah seorang yang berpengalaman luas, berpewatakan dan berprinsip. Selain itu, beliau aktif dan mempunyai hubungan yang baik dengan badan-badan NGO luar dan dalam negara serta mempunyai hubungan baik dengan para pemimpin negara, sama ada dalam Kerajaan atau di luar Kerajaan.

Saudara Tian Chua merupakan Naib Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) daripada tahun 2011 sehingga kini dan juga bekas Ahli Parlimen Batu untuk tempoh 2008 hingga 2018.

Beliau mendapat pendidikan awal di SRJK(C) Siang Lin Melaka, Catholic High School, Melaka dan Sekolah Menengah Gajah Berang, Melaka. Beliau mempunyai Ijazah Bachelor of Agricultural Science, University of Sydney, Australia (1984-1986) dan Bachelor of Arts (History & Philosophy of Science), University of New South Wales, Sydney, Australia (1989). Beliau juga memperoleh Master of Arts (Employment & Labour Studies) daripada Institute of Social Studies, The Hague, Netherlands pada tahun 1994.

Antara anugerah yang pernah diterima beliau adalah Malaysian Human Rights Fellowship daripada Persatuan Kebangsaan Hak Asasi Manusia (HAKAM) pada 1998 dan AIF Rose Award daripada National Labour Federation of Denmark pada tahun 2003 atas usaha memperjuangkan hak pekerja di Malaysia.

YB TUAN BARU BIAN
MENTERI KERJA RAYA

27 FEBRUARI 2019

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L : 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  [Kementerian Kerja Raya](#) |  [@MOWorks](#) |  Pro@kk.gov.my